

Sekolah Perubatan Lee Kong Chian dirasmi

SEKOLAH perubatan terbaru Singapura dilancarkan semalam selepas beroperasi selama empat tahun.

Sekolah Perubatan Lee Kong Chian mengambil 54 pelajar pada 2013, yang akan lulus pada pertengahan tahun depan.

Dalam pelancaran tersebut, Timbalan Perdana Menteri, Encik Teo Chee Hean, berkata teknologi akan merombak masa depan perubatan dan karyawan perubatan perlu mendakap inovasi terbaru.

Ini lebih-lebih lagi kerana penyakit cepat merebak antara sempadan dalam dunia yang kian terhubung.

“Kita mesti terus membaiki penyelarasan antara sempadan bagi menangani ancaman dengan lebih berkesan,” kata Encik Teo, yang juga Menteri Penyelaras Bagi Keselamatan Nasional.

Data besar dan sistem bijak akan dapat mengawal penyakit daripada merebak serta membantu dalam meneliti bagaimana penyakit itu merebak.

Dalam pada itu, Encik Teo berkata sekolah baru itu akan membantu memupuk doktor yang mempunyai sifat keihisanan dengan memadankan pelajar perubatan dengan pesakit yang mempunyai keperluan jangka panjang tetapi tidak begitu serius.

Sekolah perubatan itu akan bekerjasama dengan Universiti Teknologi Nanyang (NTU) dan Kolej Imperial London.

Kurikulum itu mengikut kurikulum Kolej Imperial tetapi disesuaikan mengikut keperluan Singapura.

Pelajar kedua-dua institusi itu juga mempunyai peluang menjalani program pertukaran luar negara.

“Pelajar Singapura misalnya berminat dengan pendekatan Britain dalam pembedahan anatomi tubuh manakala pelajar Imperial pula gemar dengan pembelajaran berasaskan pasukan di Lee Kong Chian,” kata Profesor Alice, yang juga Presiden Kolej Imperial.

Sekolah Perubatan Lee Kong Chian mempunyai dua bangunan – Bangunan Perubatan Eksperimen di kampus NTU di Jurong West dan Bangunan Sains Klinikal di Novena, yang menjadi lokasi pelancaran tersebut.